

25 APR 1997

Mahathir - Agama

MAHATHIR MINTA PEMIMPIN AGAMA PUPUK NILAI MORAL DI KALANGAN PENGIKUT

KUALA LUMPUR, 25 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu semua pemimpin agama di negara ini memupuk etika dan nilai-nilai moral yang positif di kalangan pengikut mereka dan membantu menjadikan Malaysia sebagai contoh bagi keharmonian agama.

Perdana Menteri berkata mereka harus memastikan setiap anggota masyarakat mempertahankan tradisi, kepercayaan, moral dan berusaha ke arah kehidupan dengan tahap integriti yang tinggi agar masyarakat Malaysia menjadi contoh bagi keharmonian antara rakyat walaupun menganuti pelbagai agama".

"Ini sudah tentu merupakan sumbangan besar anda kepada masyarakat Malaysia," kata beliau pada majlis jamuan sempena ulang tahun ke-50 Majlis Gereja-gereja Malaysia, di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata ketika pelbagai gejala sosial melanda negara, rakyat tidak harus berdiam dan membenarkannya merebak serta melemahkan struktur sosial di samping menghakis kekuatan mereka.

"Satu daripada faktor yang boleh mendorong usaha ke arah mewujudkan masyarakat yang kuat, bersatu dan bermoral ialah peranan agama," kata beliau.

Perdana Menteri berkata etika dan nilai-nilai moral mengikut agama Kristian tidak berbeza dengan moral mengikut agama Islam, Hindu, Buddha atau agama lain.

Beliau berkata Malaysia bernasib baik kerana masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama mempunyai pengalaman dan tradisi yang lama untuk hidup dalam suasana harmoni.

"Kerjasama ini, tanpa mengira kaum dan agama akan mempertingkatkan lagi keazaman untuk membina masyarakat yang liberal lagi bertoleransi," kata beliau.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia tidak harus berpuas hati dengan kejayaan seakat ini, mereka harus meningkatkan kerjasama dan persefahaman ketika negara melangkah ke arah masyarakat ekonomi yang moden.

Dr Mahathir berkata: "Jika semata-mata berpuas hati dengan apa yang dicapai, kita mungkin mendapati cabaran pada masa depan terlalu sukar untuk kita hadapi."

Perdana Menteri berkata walaupun Malaysia ialah sebuah negara Islam, umat Islam dituntut bersikap toleransi terhadap penganut agama lain.

Menurut Dr Mahathir, Nabi Muhammad S.A.W sendiri bangun bagi memberi penghormatan apabila perarakan jenazah seorang Yahudi melintasinya sambil berkata Malaysia mengamalkan toleransi dan menghormati hak orang lain.

"Rakan kita yang bukan Islam seperti penganut Buddha dan Hindu menikmati kebebasan untuk hidup mengikut nilai-nilai budaya dan kepercayaan agama mereka sedangkan amalan ini mungkin tidak terdapat di kebanyakan negara lain," kata beliau.

Justeru itu, Dr Mahathir mengingatkan bahawa keganasan bagi menyelesaikan perbalahan antara agama "dibenci oleh semua masyarakat yang beragama dan parti-parti politik di negara demokrasi ini".

Dr Mahathir lalu menarik perhatian tentang hubungan antara Islam dan Buddha di Kelantan yang disifatkannya sebagai paling mesra dengan masyarakat Buddha berbangga negeri itu mempunyai patung Buddha sedang tidur yang antara terbesar di Asia Tenggara dan hakikat ini tidak diketahui oleh kebanyakan rakyat Malaysia.

Perdana Menteri berkata berdasarkan sejarah Malaysia yang aman, prospek bagi mewujudkan etika yang menggabungkan kaum, budaya, agama dan tradisi amatlah menggalakkan.

"Oleh itu, rakyat Malaysia harus berusaha ke arah itu dengan menjadi contoh," kata beliau. -- BERNAMA

ES FAZ